



SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ) PENGAMBILAN SKROL GRADUAN 2020 KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI

1) Bagaimanakah tatacara untuk mengambil skrol di Kolej Poly-Tech MARA Bangi.

- a) lengkapkan *Tracer Study* mengikut pautan dibawah ini : -
- i. Pautan Wajib KPT : <http://graduan.mohe.gov.my/v/>
 - ii. Pautan Wajib KPTM : <https://forms.gle/gvBbizeyXDksdrNp6>
- b) Memastikan **tiada yuran tertunggak**. Semakan boleh dibuat dengan Bahagian Kewangan KPTM Bangi. Pembayaran boleh dibuat di dewan pada hari pengambilan skrol. Namun sangat digalakkan untuk membuat bayaran secara online sekurang-kurangnya 2 hari sebelum datang mengambil skrol serta membawa bersama bukti bayaran.
- c) Graduan yang **mempunyai yuran tertunggak** perlu berurusan dengan KPTM Ibu Pejabat bermula 15 Disember 2020 sekiranya masih belum mengambil skrol di kampus.
- d) Graduan **Tajaan MARA** wajib bawa **slip cetakan e-Baki MARA** untuk semakan di kaunter kewangan. Graduan boleh menghantar e-mel ke Bahagian Kewangan KPTM Bangi : kew_kptmbg@gapps,kptm,edu.my
- e) Hadir ke Kolej dengan **berpakaian formal dan sopan**
- f) Graduan KPTM Bangi boleh mengambil skrol masing-masing bermula dari **08 hingga 30 Disember 2020 daripada jam 9.00 pagi hingga 1.00 tengahari** (kecuali pada hujung minggu dan cuti am).
- g) Pada **08 hingga 10 Disember 2020**, masa pengambilan skrol adalah dari **jam 9.00 pagi hingga 5.00 petang**.

2) Jika saya tidak dapat hadir untuk mengambil skrol pada bulan Disember 2020, bolehkah saya mengambilnya pada waktu lain?

Boleh. Bermula 04 Januari hingga 06 Mac 2021, graduan boleh mengambil skrol di Pejabat SPRS dari 9.00 pagi hingga 1.00 petang



**SOALAN-SOALAN LAZIM (FAQ)
PENGAMBILAN SKROL GRADUAN
2020 KOLEJ POLY-TECH MARA BANGI**

- 3) **Saya baru bergraduat pada November 2020. Bolehkah saya mengambil skrol pada tarikh yang dinyatakan?**
Tidak boleh. Pengambilan skrol ini hanya bagi mereka yang graduat sebelum Oktober 2020. Graduan Sesi Julai 2020 yang bergraduat pada November 2020 dijadualkan hadir ke Majlis Konvokesyen Tahun 2021.
- 4) **Saya tinggal di Sabah/Sarawak/Kawasan PKPD. Bolehkah skrol saya dihantar melalui pos atau saya boleh mewakilkan kepada orang lain untuk mengambilnya?**
a) Skrol **tidak boleh** dihantar melalui pos.
b) Wakil pelajar hanyalah dibenarkan dalam kalangan keluarga terdekat sahaja dengan membawa **surat turun kuasa dari graduan** dan **salinan kad pengenalan wakil graduan**. Pastikan semua syarat dipatuhi. Graduan perlu melengkapkan tracer study dan tiada hutang tertunggak. Wakil graduan perlu membawa kedua-dua bukti ini.
- 5) **Ada sesi bergambar dan jubah?**
Tiada sesi bergambar dan tiada jubah. Pihak kolej menyediakan backdrop bergraduat. Urusan bergambar akan dikawal oleh petugas. Pastikan SOP MKN dipatuhi iaitu pemakaian face mask dan penjarakan sosial sekurang-kurangnya (satu) 1 meter.
- 6) **Saya perlu Surat Pengesahan Pengambilan Skrol Graduan KPTM Bangi bagi tujuan mohon cuti dengan majikan. Di mana saya boleh mendapatkan surat ini?**
Surat Pengesahan Pengambilan Skrol ada di website KPTM Bangi. Graduan boleh memuat turun dan mencetak sendiri surat ini.
- 7) **Saya dari kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan, PKPD (EMCO), boleh saya mohon surat sokongan merentas kawasan.**
TIDAK BOLEH. Sila patuh arahan dan SOP PKPD sepenuhnya. Graduan atau keluarga graduan yang mempunyai kontak rapat dengan pesakit positive COVID 19 atau PUI, dan mereka yang sedang dikuarantin di rumah atau hospital dilarang hadir ke kolej.

**BERSAMA-SAMA KITA MEMATUHI SOP NORMA BARU DENGAN MEMAKAI PELITUP
SEPARUH MUKA & MENGAMALKAN PENJARAKAN SOSIAL.**

#kitajagakita

Sebarang pertanyaan boleh disalurkan ke e-mel : sprsbg@gapps.kptm.edu.my